



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'
'PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA'

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : (38) dlm. IPK. Sel.
20279/7/2 Jld.7
Tarikh : Zulkaedah 1431 H
29 Oktober 2010

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah
Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha,
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 37 TAHUN 2010

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2010

- **Sistem Panel Bagi Perolehan Lampu Jalan Hiasan, Lampu Luar
Bangunan Dan Aksesori Berkaitan Bagi Projek-Projek Kerajaan**

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat yang saya terima
daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 12 Oktober 2010 mengenai
perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta
mengambil perhatian akan para 2 hingga 14 pekeliling berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)



KEMENTERIAN KEWANGAN

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



SISTEM PANEL BAGI PEROLEHAN LAMPU JALAN, LAMPU HIASAN, LAMPU LUAR BANGUNAN DAN AKSESORI BERKAITAN BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN

TUJUAN

Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) ini bertujuan memaklumkan mengenai Sistem Panel Bagi Perolehan Lampu Jalan, Lampu Hiasan, Lampu Luar Bangunan Dan Aksesori Berkaitan Bagi Projek-Projek Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju agar Item Lampu Jalan, Lampu Hiasan, Lampu Luar Bangunan Dan Aksesori Berkaitan Bagi Projek-Projek Kerajaan diuruskan melalui Sistem Panel. Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh Item berkenaan hanya di kalangan Panel Pembekal yang dilantik.
3. Kriteria pelantikan Panel Pembekal adalah seperti berikut:-
 - i. Syarikat kekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai pembuat dalam kod bidang berkaitan (200499);
 - ii. Syarikat bertaraf Bumiputera sepanjang tempoh Sistem Panel ini berkuatkuasa;

Dato' Ramli Mahmud
Ramli Mahmud

DATO' RAMLI MAHMUD
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR,

- iii. Setiap produk yang dikeluarkan mempunyai sijil perakuan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau IKRAM QA Services Sdn. Bhd., mana yang berkaitan; dan
- iv. Setiap produk hendaklah tersenarai dalam senarai bahan barangan buatan tempatan yang diiktirafkan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd.

TEMPOH KONTRAK

4. Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk melantik enam (6) Panel Pembekal selama tiga (3) tahun mulai 16 Ogos 2010 sehingga 15 Ogos 2013.

MAKLUMAT PANEL PEMBEKAL

5. Maklumat Panel Pembekal adalah seperti berikut:-

Bil.	Syarikat	Alamat	Perincian Bank
1.	Amat Sinar Sdn. Bhd.	23-1, 1st Floor, Jalan 3/27D Section 6, Wangsa Maju 53300 KUALA LUMPUR No. Tel : 03-4143 8030 No. Faks : 03-4143 8020 E-mel : info1@amatsinar.com	Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat Bawah Bangunan Persatuan Nelayan (NEKMAT) Lot 150A, 152A & 154A Jalan 2/3A Pusat Bandar Utara KM12 Off Jalan Ipoh 68100 BATU CAVES Kuala Lumpur No. Akaun Bank: 14069-01000-7010
2.	Extra-Built (M) Sdn. Bhd.	2 & 3, Wisma Little Jalan Halba 16/16 Seksyen 16 40200 SHAH ALAM Selangor No. Tel : 03-5510 0543 / 5511 8980 No. Faks : 03-55118407 E-mel : extra_built@yahoo.com	EON Bank Berhad Ground Floor Menara EON Bank 288 Jalan Raja Laut 50350 KUALA LUMPUR No. Akaun Bank: 0018-10-005530-9
3.	Maxlane Sdn. Bhd.	No. 19, Komplek Kilang BPIMB Jalan PJU 3/48 Sunway Damansara 47810 PETALING JAYA Selangor No. Tel : 03-7804 0973 No. Faks : 03-7804 0925 E-mel : shakir@shamawar.com.my	Malayan Banking Berhad No. 2, Lorong Rahim Kajai 14 Taman Tun Dr. Ismail 60000 KUALA LUMPUR No. Akaun Bank: 5142 7133 3116

Bil.	Syarikat	Alamat	Perincian Bank
4.	Muarlite Industries Sdn. Bhd.	KM3, Jalan Temenggong Ahmad 84000 MUAR Johor No. Tel : 06-981 2555 No. Faks : 06-981 2444 E-mel : muarlite@yahoo.com	CIMB Bank Berhad No. 57-3 & 57-4 Jalan Sulaiman 84000 MUAR Johor No. Akaun Bank: 0113-0003487055
5.	Novabrite Lighting Sdn. Bhd.	Lot 3 Jalan Lada Hitam Satu 16/12A Seksyen 16 40200 SHAH ALAM Selangor No. Tel : 03-5519 0160 / 5519 9160 No. Faks : 03-5512 7160 E-mel : myg@novabrite.com.my	Public Bank Berhad 36-40 Medan Setia 2 Plaza Damansara Bukit Damansara 50490 KUALA LUMPUR No. Akaun Bank: 3133210403
6.	Permintex Electronic Sdn. Bhd.	Plot 1 Kawasan Perindustrian Bandar Darul Aman 06000 Jitra KEDAH No. Tel : 04-919 9199 / 919 0193 No. Faks : 04-919 0190 E-mel : syedrofil_ptex@yahoo.com	Malayan Banking Berhad 175 & 176 Jalan PJ 7 Pekan Jitra 2 06000 Jitra KEDAH No. Akaun Bank: 502063000600

KAEDAH PEROLEHAN

6. Perolehan bagi Item Lampu Jalan, Lampu Hiasan Bangunan dan Aksesori Berkaitan hendaklah diuruskan sendiri oleh setiap agensi di kalangan enam (6) Panel Pembekal. Tatacara bagi perolehan di atas ditetapkan seperti berikut:-

- i. Perolehan bernilai sehingga RM50,000.00 setahun diuruskan secara pembelian terus hanya dengan mana-mana Panel Pembekal yang dilantik;
- ii. Perolehan melebihi RM50,000.00 sehingga RM500,000.00 setahun hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga di kalangan Panel Pembekal yang dilantik. Pemilihan Panel Pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Agensi;
- iii. Perolehan melebihi RM500,000.00 setahun hendaklah diuruskan melalui sebut harga di kalangan Panel Pembekal yang dilantik. Pemilihan Panel Pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi; dan
- iv. Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000.00 selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1.

PELAKSANAAN PEROLEHAN SECARA *eBIDDING*

7. Perolehan yang bernilai melebihi RM200,000.00 dan ke atas, Jabatan Pengguna adalah digalakkan untuk membuat perolehan secara *eBidding*, selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

8. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memastikan agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan berkaitan dalam menguruskan perolehan ini.

9. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan senarai *Bill of Quantities (BQ)* dan dokumen tender dan perjanjian bagi projek kerja dimasukkan syarat bahawa kontraktor mesti mendapat bekalan lampu jalan, lampu hiasan, lampu luar bangunan dan aksesori berkaitan daripada pembekal yang telah disenaraikan di para 5 di atas. Bagi perolehan kerja yang dibuat selain daripada kaedah konvensional, keperluan atau syarat perolehan item-item tersebut di kalangan Panel Pembekal yang dilantik di atas hendaklah dijadikan sebagai **syarat mandatori** dalam dokumen tender dan dokumen perjanjian. Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi, kontraktor hendaklah mengemukakan salinan *delivery order* kepada Agensi semasa membuat tuntutan bayaran kemajuan.

HAL-HAL LAIN

10. Panel Pembekal bagi Item Lampu Jalan, Lampu Hiasan, Lampu Luar Bangunan dan Aksesori Berkaitan adalah diwajibkan menggunakan komponen Item dari pengilang/pembuat tempatan sekiranya komponen itu tidak dikeluarkan sendiri oleh pihak syarikat. Penggunaan komponen import dari luar negara tidak dibenarkan sama sekali bagi komponen-komponen item yang telah dikeluarkan oleh pembuat tempatan dan memenuhi spesifikasi/standard yang ditetapkan.

11. Pelanggaran kepada syarat yang ditetapkan di para 10 boleh mengakibatkan pelantikan Syarikat Panel akan ditarik balik. Agensi dikehendaki memantau dan melaporkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sekiranya mendapati pihak Panel Pembekal tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

12. Agensi juga hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi Panel Pembekal yang kurang memuaskan, jika ada, ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Bekalan Dan Perkhidmatan)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

13. Sebarang pertanyaan mengenai PKP ini juga boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian telefon 03-8882 3243 atau 03-8882 3239.


KUAT KUASA

14. PKP ini berkuat kuasa mulai 16 Ogos 2010 hingga 15 Ogos 2013. Dengan berkuat kuasanya PKP ini, PKP Bil. 1 Tahun 2006 dan Surat Arahan Perbendaharaan (**SAP**) bertarikh 23 April 2010 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.


(**DATO' FAUZIAH YAACOB**)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Bertarikh : 12 Oktober 2010

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri